



PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAMAN PERINDUSTRIAN HI-TECH KULIM

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia (keutamaan diberi kepada anak Negeri Kedah Darul Aman) yang berkeelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:

1. **Jawatan** : **PEGAWAI TADBIR**
Taraf : Kontrak
Gred : **N41**
Kumpulan Perkhidmatan : Kumpulan Pengurusan & Profesional
Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 2,080.00	RM 9,546.00	RM 225.00

Kelayakan

- i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00]; atau
- ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43]; dan



- iii) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Deskripsi Tugas

Betanggungjawab menguruskan kerja-kerja berkaitan pelaksanaan dasar-dasar awam, pengurusan sumber tenaga manusia dan organisasi, sumber kewangan, ekonomi, perolehan bekalan dan pembangunan, pengurusan pentadbiran pejabat, memberi khidmat pakar runding terhadap sistem kerja serta pengurusan kakitangan, pengurusan teknologi maklumat, pengurusan majlis rasmi, mengendalikan urusan Konsuler dan Penguatkuasaan Undang-undang.

2. Jawatan : PENOLONG PEGAWAI TADBIR

Taraf : Kontrak

Gred : **N29**

Kumpulan Perkhidmatan : Kumpulan Pelaksana

Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 1,493.00	RM 5,672.00	RM 145.00

Kelayakan

- i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

[Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00]; atau



- ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
[Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00]; atau
- iii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,770.95]; dan
- iv) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- v) Calon-calon yang pernah mengikuti Kursus Certified Integrity Officer (CeIO) anjuran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan satu kelebihan.

Deskripsi Tugas

Bertanggungjawab kepada Ketua Jabatan, menjalankan tugas-tugas yang berkaitan pengurusan integriti dan tadbir urus, pengurusan pentadbiran pejabat, pengurusan tatatertib, merancang dan melaksanakan program, kursus dan latihan berkaitan rasuah, memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi, merangka jawatankuasa siasatan, pengurusan majlis rasmi dan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pihak atasan dari semasa ke semasa.



**3. Jawatan : PENOLONG PEGAWAI PERANCANG
BANDAR DAN DESA**

Taraf : Kontrak

Gred : **JA29**

Kumpulan Perkhidmatan : Kumpulan Pelaksana

Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
--------------	---------------	-----------------------------

RM 1,549.00	RM 5,701.00	RM 145.00
-------------	-------------	-----------

Kelayakan

- i) Sijil dalam bidang perancang bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,549.00]; atau
- ii) Diploma dalam bidang perancang bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,935.02]; dan
- iii) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.



Deskripsi Tugas

Menyelaras dan memproses kelulusan permohonan pembangunan tanah di PTG dan PBT yang meliputi permohonan kebenaran merancang, pelan bangunan dan pelan-pelan lain dengan mengambilkira peruntukan-peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 172) dan Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974 (Akta 133). Menyediakan maklumat dan pelan yang berkaitan untuk kegunaan perancangan dan koordinasi pembangunan infrastruktur, utiliti dan pengangkutan di kawasan perbandaran. Bertanggungjawab terhadap pembangunan pangkalan data GIS untuk data-data perancangan serta pengumpulan maklumat-maklumat kemajuan perancangan dan pembangunan bandar.

4. **Jawatan** : **PEMBANTU PENGUAT KUASA**
Taraf : Kontrak
Gred : **KP19**
Kumpulan Perkhidmatan : Kumpulan Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan : Keselamatan dan Pertahanan Awam

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 1,360.00	RM 4,052.00	RM 100.00

Kelayakan

- i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
[Gaji permulaan ialah pada Gred KP19:RM1,360.00]; atau



- ii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
[Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,360.00]; atau
- iii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,416.00]; atau
- iv) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM,472.80].
- v) Dan memenuhi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
- a) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - b) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - c) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badam (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - d) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);



- e) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - f) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - g) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.
- vi) Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perkara (i), (iii) dan (iv) hendaklah memiliki **kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Deskripsi Tugas

Bertanggungjawab dalam menjalankan operasi penguatkuasaan, penyediaan statistik penguatkuasaan, menyediakan rekod operasi dan pendakwaan, menguatkuasakan undang-undang dalam kawasan pentadbiran, menjaga keselamatan, memastikan kawasan pentadbiran dalam keadaan terkawal dan melaksanakan kerja-kerja lain yang diarahkan oleh pihak atasan dari semasa ke semasa.

- 5. Jawatan : PEMBANTU TADBIR
(PERKERANIAN / OPERASI)**
- Taraf : Kontrak
- Gred : **N19**
- Kumpulan Perkhidmatan : Kumpulan Pelaksana
- Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan



Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 1,352.00	RM 4,003.00	RM 100.00

Kelayakan

- i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
[Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00]; atau
- ii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40]; atau
- iii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80]; dan
- iv) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Deskripsi Tugas

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas- tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perhidmatan kaunter dan pemprosesan,



pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan / komunikasi).

CARA-CARA MEMOHON:

- a. Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Permohonan Jawatan yang asal dengan memuat turun melalui laman sesawang Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim. Satu borang adalah untuk satu jawatan sahaja.

<https://pbt.kedah.gov.my/index.php/peluang-pekerjaan-pbthitech/>

- b. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:

**YANG DIPERTUA
Pihak Berkuasa Tempatan
Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim
Lot 01-03 KHTP Administrative Centre,
Kulim Hi-Tech Park,
09090 Kulim,
Kedah Darul Aman.
(u/p: Bahagian Pentadbiran)**

- c. Salinan sijil-sijil akademik dan dokumen berkaitan hendaklah DISAHKAN oleh Pegawai Kerajaan (Kumpulan Pengurusan & Profesional).
- d. Sila nyatakan nama jawatan yang dipohon di penjuru kiri sampul surat.
- e. Permohonan yang berikut akan ditolak atau tidak akan diproses:
- i. Tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam iklan
 - ii. Tidak mengemukakan dokumen yang diperlukan.
 - iii. Borang permohonan tidak diisi dengan lengkap atau tidak jelas.



- iv. Borang permohonan tidak ditandatangani.
- v. Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai sedang berkhidmat.
- vi. Borang permohonan dihantar SELEPAS tarikh tutup iklan.

PERHATIAN:

- i. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- ii. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Tiada makluman bersurat akan dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim.
- iii. Perbelanjaan untuk menghadiri temuduga ditanggung sendiri oleh pemohon.
- iv. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 30 DISEMBER 2021 (Khamis).**

